

10/03/2002

Lima ahli Umno bebas tuduhan rasuah politik

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR: Lima pemimpin dan ahli Umno Bahagian Sungai Benut, Johor, termasuk Ketuanya, Abdul Malek Munip, yang digantung keanggotaan serta diberi amaran oleh Lembaga Disiplin, dibebaskan daripada semua tuduhan amalan rasuah politik termasuk penggunaan wang pada pemilihan peringkat bahagian tahun lalu.

Turut dibersihkan nama ialah Ketua Bahagian Jelutong, Mohd Nor Hussain dan Ketua Bahagian Pokok Sena, Ahmad Lebai Sudin.

Lembaga Disiplin pada 17 Jun tahun lalu, menjatuhkan hukuman digantung keahlian selama enam tahun ke atas Abdul Malek, iaitu dari 2001 hingga 2007, bagaimanapun empat lagi anak buahnya iaitu Naib Ketua Bahagian, Onn Mohd Yassin, Rubi Jaafar, Norman Atan dan Mohamad Jalil, hanya diberi amaran keras.

Pengumuman membabitkan pembatalan hukuman ke atas mereka terbabit dibuat oleh Presiden Parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam, selepas mempengerusikan mesyuarat khas Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Dr Mahathir yang enggan menamakan siapa mereka, berkata daripada 27 yang membuat rayuan kepada Sektretariat Rayuan, Jawatankuasa Rayuan peringkat MT membuat keputusan secara konsensus bahawa tujuh daripada mereka dibatalkan hukuman, 10 lagi dikurangkan hukuman dan 10 yang lain dikekalkan hukuman masing-masing.

Bagaimanapun, pihak ibu pejabat Umno enggan mengeluarkan senarai semua 27 ahli yang membuat rayuan.

Menurut sumber, bagi kes yang membabitkan Ketua Bahagian Pasir Puteh, Datuk Kamaruddin Mohd Nor, yang sebelum ini digantung keahlian selama tiga tahun, diminta memberi surat tunjuk sebab mengapa tindakan itu tidak patut dikenakan kepadanya.

Menjawab soalan, beliau berkata hukuman membabitkan bekas Ketua Bahagian Bukit Bintang, Datuk Abdul Azim Zabidi, dikekalkan, dengan itu beliau sekali gus turut hilang jawatan sebagai ahli Majlis Tertinggi.

Abdul Azim yang juga Pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN), pada 17 Julai lalu, dikenakan hukuman gantung keahlian selama tiga tahun iaitu sehingga 2004, tetapi Lembaga Disiplin memutuskan beliau boleh mengekalkan jawatannya sebagai ahli MT.

Bagaimanapun, MT semalam memutuskan semua ahli yang dikurang atau dikekalkan hukuman digantung keahlian akan turut kehilangan semua jawatan dalam parti dan sebagai Exco kerajaan negeri, tetapi boleh terus memegang jawatan masing-masing di dalam kerajaan atau sektor korporat.

Keputusan itu turut menyaksikan bekas Ketua Bahagian Bandau, Sabah, Jelani Hamdan, akan kehilangan jawatan sebagai Ketua Pemuda bahagian berkenaan.

Sumber itu berkata dengan keputusan MT bahawa mereka yang didapati bersalah akan turut kehilangan semua jawatan dalam parti, bermakna lebih 100 ahli yang didapati bersalah tetapi tidak merujuk kes mereka ke Sekretariat Rayuan, akan turut tertakluk kepada keputusan itu.

(END)